



# Program Skim Tanah Warisan bantu rakyat miliki kediaman sendiri

Oleh **T N Alagesh** - Ogos 13, 2022 @ 7:51pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

LIPIS: Kerajaan Pahang melancarkan Program Skim Tanah Warisan (SKT) bertujuan membantu rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata menerusi skim itu, lot tanah kediaman antara 8,000 hingga 10,000 kaki persegi pada bayaran premium RM10,000 diberikan kepada mereka yang layak.

Beliau berkata, penerima skim itu perlu membina rumah dalam tempoh lima tahun, dengan kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh peserta terbabit.

"Kerajaan negeri menyediakan semua kemudahan asas seperti jalan masuk, sistem perparitan dan infrastruktur bekalan elektrik serta air di tanah yang terbabit.

"Reka bentuk dan luas rumah adalah terpulang kepada peserta, namun perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Bagi memudahkan peserta, mereka dibenarkan mencagar tanah kepada institusi pinjaman untuk mendapatkan pinjaman bagi menampung kos membina rumah," katanya pada sidang media selepas melancarkan STW Kuala Medang, iaitu lokasi pertama pelaksanaan program itu, di sini, hari ini.

Seramai 250 peserta terbabit dalam program STW Kuala Medang, membabitkan tanah kerajaan seluas 30.425 hektar.

Wan Rosdy berkata, skim itu akan dilaksanakan seterusnya di Pekan sebelum diperluaskan secara berperingkat di daerah lain, berdasarkan pada keperluan dan kemampuan.

Mengulas lanjut, Wan Rosdy berkata, mereka yang layak menyertai skim itu adalah rakyat Pahang, penduduk setempat STW dilaksanakan, golongan berpendapatan rendah atau yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa Pemilihan STW.

"Sebagai contoh STW Kuala Medang, ia turut membabitkan penduduk setempat yang tidak mempunyai slip gaji kerana bekerja kampung, penoreh getah atau nelayan tradisional. Hasrat kita ialah penduduk ini memiliki kediaman sendiri," katanya sambil menambah permohonan STW perlu dilakukan di pejabat daerah dan pejabat tanah.

Bagi memastikan matlamat pemilikan kediaman sendiri itu tercapai, Wan Rosdy berkata, hak milik tanah terbabit diberikan moratorium selama 10 tahun dan ia tidak boleh dijual atau dipindah milik.



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, pada majlis pelancaran Skim Tanah Warisan (STW) Kuala Medang, hari ini. - Foto NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG